



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 26 / 2022

PERMOHONAN UNDI POS DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada YB Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah mengenai kekosongan bagi **Bahagian Pilihan Raya Negeri N.66 Bugaya, Sabah** pada **12 Oktober 2022 (Rabu)**.
2. Sehubungan dengan itu, SPR ingin memaklumkan bahawa permohonan undi pos dalam dan luar negara bagi PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah, kini **dibuka** bermula dari **13 Oktober 2022 (Khamis)** dan **tarikh tutup** permohonan akan diumumkan **selepas Mesyuarat Khas Urusan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah** pada 20 Oktober 2022.
3. Seterusnya untuk permohonan undi pos bagi **Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), hendaklah memohon secara manual

menggunakan Borang 1A yang dimuat turun dari portal rasmi SPR di <https://www.spr.gov.my>, dan dihantar ke Pejabat Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya berkenaan. Alamat dan maklumat Pejabat Pegawai Pengurus boleh dirujuk di portal rasmi SPR jua.

4. Manakala, bagi **Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) & **1C** (agensi/organisasi) pula, permohonan hendaklah dikemukakan secara dalam talian (online) melalui portal berikut: <https://myspr.spr.gov.my/login>.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

13 Oktober 2022 / 16 Rabiulawal 1444H